



## KENYATAAN MEDIA

### **KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM FASA 'PERALIHAN KE ENDEMIK' BERMULA 1 APRIL 2022 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung dengan Kebenaran Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau Dalam Fasa 'Peralihan Ke Endemik' bermula 1 April 2022.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas perkembangan semasa dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia pada 8 Mac 2022, seluruh negara akan memasuki Fasa 'Peralihan Ke Endemik' bermula 1 April 2022.

Selaras dengan pengumuman tersebut, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) selepas mendapat pandangan dari Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Terengganu bersetuju menetapkan pelaksanaan aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam Negeri Terengganu seperti berikut:

## 1. PELAKSANAAN AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU

### a) Aktiviti Solat Jumaat Dan Solat Fardhu

- i) Aktiviti solat Jumaat dan solat fardhu lima (5) waktu secara berjemaah dibenarkan dilaksanakan **tanpa penjarakan fizikal dengan dirapatkan saf.**
- ii) Kanak-kanak berumur tujuh (7) tahun dan ke atas **DIBENARKAN** hadir ke masjid dan surau dengan syarat kehadiran bersama ibu atau bapa.
- iii) Jawatankuasa masjid dan surau digalakkan menetapkan satu kawasan khas yang bersesuaian bagi kanak-kanak berumur tujuh (7) tahun hingga dua belas (12) tahun.

**b) Aktiviti Pengajaran Agama Dan Kemasyarakatan**

- i) Semua aktiviti harian pengajaran agama (kuliah Maghrib/Subuh/Dhuha), Tadarus al-Quran, kuliah muslimah dan lain-lain aktiviti dengan kehadiran jemaah berkapasiti biasa di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN**.
- ii) Kuliah/ceramah agama perdana di masjid dan surau dengan kehadiran ahli jemaah dalam kapasiti besar perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).
- iii) Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong adalah **DIBENARKAN**.
- iv) Jamuan makan selepas aktiviti pengajaran agama dan kemasyarakatan adalah **DIBENARKAN**.

**c) Aktiviti Majlis Akad Nikah**

- i) Majlis akad nikah di masjid, surau dan premis persendirian adalah **DIBENARKAN** tanpa had kapasiti.
- ii) Garis Panduan Majlis Akad Nikah secara terperinci akan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama

Terengganu (JHEAT) sebagai rujukan dan panduan kepada bakal pengantin dan jurunikah.

d) **Aktiviti Sepanjang Bulan Ramadan Dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri**

- i) Semua masjid dan surau **DIBENARKAN** melaksanakan aktiviti keagamaan di sepanjang bulan Ramadan (Solat Tarawih, majlis berbuka puasa, moreh, bacaan al-quran secara berjemaah, qiamullail dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian).
- ii) Semua masjid dan surau **DIBENARKAN** melaksanakan solat sunat Hari Raya Aidilfitri tanpa penjarakan fizikal dengan dirapatkan saf.
- iii) Kehadiran jemaah bagi aktiviti bulan Ramadhan dan solat sunat Hari Raya Aidilfitri di masjid dan surau **DIBENARKAN** kepada jemaah lelaki dan perempuan termasuk kanak-kanak berumur tujuh (7) tahun dan ke atas.

e) **Aktiviti Hal Ehwal Jenazah Dan Perkuburan**

- i) Umat Islam **DIBENARKAN** untuk menziarahi tanah perkuburan.

- ii) Solat Jenazah dibenarkan dilaksanakan **tanpa penjarakan fizikal dengan dirapatkan saf.**

## 2. PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

- i) Semua pelaksanaan aktiviti ini hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan sebagaimana berikut:
  - a) Pemakaian pelitup muka adalah **DIWAJIBKAN.**
  - b) Pendaftaran kemasukan ke masjid dan surau dengan menggunakan Mysejahtera atau ditulis di dalam buku yang disediakan oleh pihak jawatankuasa adalah **DIWAJIBKAN.**
  - c) Jawatankuasa masjid dan surau dikehendaki menyediakan buku catatan kehadiran bagi kegunaan ahli jemaah yang tidak menggunakan Mysejahtera.
  - d) Para Jemaah **TIDAK PERLU** membawa sejadah sendiri.
  - e) Bersalaman dikalangan jemaah adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

- f) Para jemaah diminta sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri.
  - g) Para Jemaah yang bergejala seperti demam, batuk dan selsema **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke masjid atau surau.
  - h) Jawatankuasa masjid dan surau digalakkan menyediakan *hand sanitizer* untuk jemaah mencuci tangan.
  - i) Para jemaah dan ahli jawatankuasa masjid dan surau **HENDAKLAH** mematuhi lain-lain Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang masih berkuatkuasa.
- ii) Garis Panduan yang terperinci akan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sebagai rujukan dan panduan kepada semua masjid dan surau di Terengganu.
- iii) Mana-mana masjid dan surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah seksyen 18 (1) (d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.

- iv) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengingatkan Jawatankuasa masjid dan surau supaya sentiasa mematuhi Garis Panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Baginda juga mengharapkan supaya semua jawatankuasa masjid dan surau dapat mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang dikuatkuasakan supaya institusi masjid dan surau terpelihara dari berlakunya penularan wabak Covid-19 dan syiar Islam di masjid dan surau dapat disemarakkan sebagaimana biasa.

Baginda juga berdoa semoga rakyat jelata sentiasa berada dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala.

**Menjunjung titah,**



**DATO' HAJI SHAIKH HARUN BIN SHAIKH ISMAIL**

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

**20 MAC 2022M BERSAMAAN 17 SYAABAN 1443H**